



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PENGURUSAN KESELAMATAN DAN  
KESIHATAN PEKERJA**

**KOD KURSUS : DSM 3123**

**PEPERIKSAAN : APRIL 2018**

**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas ini mengandungi **DUA (2)** bahagian : **BAHAGIAN A (50 Markah)**  
**BAHAGIAN A (50 Markah)**
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*Kertas ini mengandungi 6 halaman bercetak termasuk muka hadapan*



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan

**SOALAN 1**

- a. Jelaskan takrifan keselamatan dan kesihatan dalam konteks tempat kerja.  
(4 markah)
- b. Huraikan **tiga (3)** sebab mengapa Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan pekerjaan perlu ditubuhkan.  
(6 markah)

**SOALAN 2**

Jelaskan **lima (5)** bentuk gangguan seksual yang merupakan salah satu isu yang kebiasaannya berlaku ditempat kerja.  
(10 markah)

**SOALAN 3**

- a. Senaraikan **empat (4)** peranan kerajaan bagi menjamin keselamatan dan kesihatan di dalam organisasi.  
(4 markah)
- b. Huraikan **tiga (3)** objektif penubuhan SOCSO.  
(6 markah)

## SOALAN 4

a. Jelaskan "hazard" dari prospek ditempat kerja dan berikan **dua (2)** kesannya kepada persekitaran tempat kerja.

(4 markah)

b. Terangkan **tiga (3)** jenis hazard yang anda tahu.

(6 markah)

## SOALAN 5

a. Jelaskan mana-mana **dua (2)** kesan alkohol yang tidak terkawal ke atas diri.

(4 markah)

b. Huraikan **tiga (3)** tanda utama penagihan dadah di kalangan pekerja.

(6 markah)

**[50 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan

**SOALAN 1**

- a. Huraikan **tiga (3)** program-program yang dijalankan oleh Institusi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH). Seterusnya jelaskan **dua (2)** objektif pihak NIOSH dalam pelaksanaan budaya keselamatan dan kesihatan kepada majikan di Malaysia.

(10 markah)

- b. Puan Hajar ditugaskan sebagai Penyelia Operasi Bahagian Dapur di Syarikat Firman Katering Sdn Bdn. Dengan menggunakan **lima (5)** prinsip amalan 5S, huraikan aktiviti atau kerja bagi menerapkan prinsip tersebut dalam Syarikat Firman Katering Sdn Bdn.

(15 markah)

## SOALAN 2

- a. Pertolongan cemas ialah bantuan segera atau rawatan kecemasan yang diberikan untuk orang tercedera sebelum mendapatkan bantuan atau perawat yang bertauliah. Oleh itu, peti pertolongan cemas dilihat sebagai keperluan utama yang digunakan apabila berhadapan dengan situasi kecemasan. Klasifikasikan **lima (5)** peralatan asas di dalam peti pertolongan kecemasan mengikut kegunaannya.

(10 markah)

- b. Encik Shafik merupakan seorang pegawai keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Syarikat EMC Engineering yang menjalankan aktiviti kejuruteraan yang berisiko kepada situasi kecemasan. Oleh itu tunjukkan **lima (5)** komponen penting bagi Pelan Tindakan Kecemasan bagi tujuan pemulihan yang perlu diambil perhatian oleh Encik Shafik selepas berlaku kecemasan di tempat kerja beliau. Bincangkan **satu (1)** contoh pelan keselamatan lengkap yang perlu disediakan oleh Syarikat EMC sebelum memulakan kerja atau aktiviti kejuruteraan.

(15 markah)

## SOALAN 3

- a. Gangguan seksual boleh terjadi dengan tindakan dan orientasi gangguan seksual lelaki ke atas perempuan, perempuan ke atas lelaki, lelaki ke atas lelaki dan perempuan ke atas perempuan. Oleh itu, bincangkan **lima (5)** strategi yang boleh diambil oleh organisasi untuk menangani isu gangguan seksual di tempat kerja.

(10 markah)

- b. Anda seorang pereka bentuk dalaman pejabat. Anda perlu menggunakan prinsip ergonomik dalam hasil rekabentuk anda. Oleh itu anda diminta kemukakan **empat (4)** ciri-ciri yang bersesuaian berdasarkan pengetahuan tentang ergonomik yang telah anda pelajari

(15 markah)

**[50 MARKAH]**

KERTAS SOALAN TAMAT

